

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM  
SHARIF [ JEMPOL ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan inisiatif yang dilakukan menerusi Program DesaMall@KPLB bagi membantu usahawan luar bandar yang terjejas akibat pandemik COVID-19 untuk meneruskan perniagaan mereka melalui platform dalam talian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

KPLB menerusi Program DesaMall@KPLB membantu usahawan untuk memasarkan produk secara dalam talian. Kementerian telah melaksana inisiatif perkongsian strategik dengan pelbagai pihak melalui platform DesaMall@KPLB. Program ini membantu usahawan luar bandar memasarkan produk mereka secara atas talian melalui platform e-Dagang seperti Lazada, Shopee, eBay dan CJ WowShop.

Bermula Januari 2020 sehingga 30 September 2020, Program DesaMall@KPLB telah mencatatkan peningkatan hasil jualan sebanyak 39% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019. Peningkatan hasil jualan tertinggi dicatatkan pada bulan Mei 2020 yang mencatatkan peningkatan hampir 10 kali ganda berbanding bulan-bulan sebelumnya. Peningkatan peratusan hasil jualan ini adalah kesan daripada pembudayaan norma baharu oleh pengguna/ pembeli akibat penularan pandemik CoVid-19.

Dalam usaha untuk menggalakkan lebih ramai pengguna/pembeli membudayakan norma baharu menerusi pembelian secara atas talian, selain memperluaskan pasaran usahawan luar bandar, KPLB telah memulakan kerjasama dengan Grab Malaysia menerusi platform GrabMart bagi memenuhi permintaan *on demand* terhadap pembelian secara atas talian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). KPLB juga akan menganjurkan Karnival Usahawan Desa secara dalam talian (*online*) atau e-KUD@KPLB. Program ini juga bertujuan mewujudkan kesedaran pembeli berkenaan produk usahawan boleh dibeli secara dalam talian. Program ini menyasarkan penglibatan seramai 2,000 usahawan pada Disember 2020.

Sehingga 30 September 2020, seramai 1,748 usahawan luar bandar telah dilatih di bawah program DesaMall@KPLB dan sebanyak 21,698 *Stock Keeping Unit* (SKU) telah dimuatnaik ke dalam platform e-Dagang yang disertai oleh DesaMall@KPLB.

Sekian, terima kasih.